

Rahayu: Pekerja jagaan kesihatan perlu terbuka, buat penyesuaian

Pekerja penjagaan kesihatan digalakkan bersikap terbuka untuk menyesuaikan diri dan memainkan pelbagai peranan, berani serta mencabar cara konvensional dalam menyediakan operasi penjagaan dan pengendalian.

Menganjurkan demikian pada Rabu, Setiausaha Parlimen Kanan (Kesihatan), Cik Rahayu Mahzam, berkata terdapat cabaran yang akan dihadapi Singapura yang semakin memanas dan juga persaingan sengit daripada negara-negara lain bagi tenaga kerja penjagaan kesihatan yang terbatas.

Walaupun sumber tenaga pekerja kesihatan terhad, beliau berkata Singapura boleh menyediakan penjagaan kesihatan yang bermutu untuk rakyat Singapura jika sektor tersebut terus menyesuaikan diri.

"Ini termasuk meningkatkan kemahiran bagi memenuhi pelbagai keperluan pesakit yang semakin kompleks atau belajar bekerja secara bersepadu dan cekap dengan pekerja-pekerja penjagaan kesihatan warga asing," kata Cik Rahayu di Majlis Anugerah Pemb-

angunan Tenaga Kerja Penjagaan Masyarakat.

Lebih 140 individu menerima Anugerah Pembangunan Tenaga Manusia Penjagaan Masyarakat (CCMDA), dan 378 individu dan pasukan peningkatan menerima Anugerah Kecemerlangan Penjagaan Masyarakat (CCEA) di Pusat Konvensyen Suntec City.

Ini merupakan kali pertama kedua-dua majlis penyempatan anugerah itu digabungkan.

CCMDA diwujudkan oleh Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC) bagi mengiktiraf keceklerangan dan komitmen kakitangan penjagaan masyarakat serta menyokong mereka untuk melanjutkan pelajaran dan mengembangkan kerjaya mereka.

Sejak CCMDA dilancarkan pada 2017, 808 individu telah menerima anugerah tersebut.

Antara penerima anugerah tersebut pada tahun ini ialah Enik Jonathan Ee, 25 tahun.

Meskipun mempunyai latar belakang dalam bidang Sains Farmasutikal, Enik Ee



SOKONGAN PEKERJA PENJAGAAN: Setiausaha Parlimen Kanan (Kesihatan), Cik Rahayu Mahzam, galak pekerja penjagaan kesihatan supaya bersikap terbuka untuk menyesuaikan diri dan memainkan pelbagai peranan dalam masyarakat yang memanas. - Foto CMG

memutuskan meneroka bidang fisioterapi kerana ingin lebih terlibat dalam proses penjagaan dan pemulihan pesakit.

Beliau kini mengambil ijazah sarjana muda dalam bidang fisioterapi di Institut Teknologi Singapura.

Anugerah itu menghargai sumbangan kakitangan dalam khidmat cemerlang dan projek penambahbaikan dalam mutu klinikal,

pengalaman pesakit, produktiviti dan pendigitalan.

Sejak ditubuhkan pada 2014, 2,248 pertubuhan dan kakitangan penjagaan masyarakat contoh telah menerima anugerah tersebut.

Cik Rahayu berkata, satu contoh projek inovatif adalah penciptaan minuman berperisa yang rendah gula oleh pasukan Hospital St. Luke. Minuman itu telah meningkatkan lebih

50 peratus pengambilan cecair dalam kalangan pesakit yang dapat mencegah kondisi dehidrat.

"Kami harap yang lebih banyak pertubuhan penjagaan masyarakat memanfaatkan kedua-dua anugerah CCMDA dan CCEA untuk menambah kemahiran profesional dan pialawan tenaga kerja, serta merangsang keceklerangan perkhidmatan."



LAMBUKAN PELAJARAN: Cik Nur Sahara Kamsani sedang mengikuti kursus Diploma Terapi Seni Ekspresif di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura. - Foto Z40840

Seni ekspresif membuka banyak peluang baharu untuk berkomunikasi secara kreatif, terutama dengan individu dalam peringkat akhir demensia yang tidak mampu berkomunikasi

Usaha buat hidup bermakna bagi pesakit demensia melalui seni

secara lisan.

Menyatakan demikian, Cik Nur Sahara Kamsani ingin menunjukkan bahawa individu yang menghadapi demensia masih boleh terlibat secara bermakna dalam aktiviti rekreasi dan hiburan.

"Walaupun dalam peringkat lanjutan, mereka masih boleh meneroka seni dan muzik," kata Cik Nur Sahara, seorang pekerja sosial perubatan

kanan yang telah berkhidmat di Hospital Ren Ci selama lebih lapan tahun.

Beliau sedang mengikuti kursus Diploma Terapi Seni Ekspresif di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura dengan Anugerah Pembangunan Tenaga Manusia Penjagaan Masyarakat (CCMDA) yang diterima pada Rabu.

Sebagai pemimpin pekerja sosial perubatan dalam menjaga penduduk

yang hidup dengan demensia, peranan Cik Nur Sahara melibatkan peningkatan kesedaran tentang penyakit tersebut dan meneroka pelbagai campur tangan untuk membantu penduduknya melambatkan atau mengendalikannya penyakit tersebut.

Sebagai penerima CCMDA untuk kedua kalinya, beliau telah menunjukkan ketekunan dan hasratnya untuk melanjutkan pelajaran.

Cik Nur Sahara, 33 tahun, berkata beliau memahami bahawa seringkali keluarga mungkin berasa berputus asa melihat orang yang mereka sayangi menghadapi cabaran demensia dan menyangka hubungan dengan individu berkenaan akan terjepas.

"Saya sentiasa bekerja dengan pasukan pelbagai disiplin yang boleh merangkumi ahli terapi dan jurawat untuk mengadakan acara-acara keluarga. Ini boleh menjadi cabaran, terutamanya apabila sesetengah golongan pesakit demensia terbaring di katil dan memerlukan pemulihan untuk persiapan berjalan bersama keluarga" ujar beliau.

Dengan mengadakan aktiviti-aktiviti tersebut, Cik Nur Sahara berharap dapat memberi keluarga peluang melihat kebahagiaan dan potensi yang masih ada dalam individu berkenaan serta menghidupkan semula semangat keluarga yang mungkin telah hilang.

Beliau juga akan berkongsi contoh-contoh kejayaan dan inisiatif yang dilakukan untuk membantu pesakit demensia melalui poster atau penyampaian maklumat dalam bentuk kertas pada persidangan, dengan kebenaran keluarga.

"Saya melihat diri saya sebagai pengantara antara pesakit demensia dan masyarakat. Saya berazam untuk mengurangkan stigma dan memupuk sikap inklusif dalam masyarakat" ujar beliau.

Cik Nur Sahara menambah bahawa sebagai pekerja sosial dalam bidang perawatan demensia, beliau menghadapi pelbagai cabaran. Bagaimanapun, sokongan rakan sekerja dan penyalitanya membolehkan beliau terus memberi sokongan terbaik kepada mereka yang memerlukan.